

Soalan No: 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 25.10.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) secara terperinci status terkini mengenai pengiktirafan UEC; dan
- (b) apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar UEC dapat meneruskan pengajian tinggi mereka di Malaysia.

JAWAPAN

Jawapan (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menegaskan bahawa isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendididikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama.

Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Manakala UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian semenjak tahun 1975 menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan dengan itu, pendirian KPM adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sungguhpun begitu, KPM mengambil maklum bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan sijil UEC masih kekal *status quo*nya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

KPM bersedia untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkepentingan berhubung perkara tersebut.

Jawapan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Pelajar lepasan UEC daripada SMPC boleh melanjutkan pengajian mereka ke mana-mana institusi pengajian tinggi swasta terpilih. Kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996.

RJM10c